

22/07/2004

Panduan untuk kejayaan hidup

PSIKOLOGI Kejayaan terbitan PTS Publications & Distributors Sdn Bhd memuatkan hasil penyelidikan pakar psikologi yang mengkaji pelbagai faktor salah sangka dan kekeliruan berhubung syarat kejayaan dalam kehidupan.

Penulisnya, Aion Mohd, seorang jururunding dan jurulatih bidang kreativiti menulis buku ini untuk bacaan individu yang pernah gagal atau gerun apabila berdepan dengan risiko kegagalan.

Antara perkara yang disinggung termasuklah psikologi kejayaan, kreativiti, karisma dan dorongan dan penulisnya turut menjelaskan secara terperinci kelebihan setiap individu yang akan mempengaruhi profesion mereka.

Buku setebal 312 halaman berharga RM 25 senaskhah ini turut mengemukakan beberapa tokoh terbilang yang mencipta kejayaan dalam hidup mereka bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Pengarah Urusan Ramly Food Processing Sdn Bhd, Ramly Mokni dan penggiat seni tanah air, Tan Sri P Ramlee.

Aion turut mengakui sebahagian daripada faktor yang menentukan kejayaan hidup seseorang itu termasuklah latar akademik, modal, semangat, kecekalan di samping beberapa perkara lain yang turut perlu diberi perhatian.

Buku ini secara tidak langsung membantu pembaca untuk mengatur semula sistem keutamaan dalam hidup bagi mengejar kejayaan sejajar dengan kekuatan pegangan agama masing-masing.

(END)